

**PERATURAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT / GAJET**  
**MRSM KUALA KLawang 2018**

**Rasional Penggunaan Telefon Bimbit / Telefon Pintar / Komputer Riba / Tablet**

- i. Telefon pintar sebagai **pemudah** cara dalam aktiviti **pengajaran dan pembelajaran**. Tujuan utama penggunaan gajet adalah untuk pelajar mencari maklumat bagi tujuan pembelajaran, menyiapkan projek penyelidikan serta melengkapkan tugas.

**Prosedur Operasi Penggunaan (SOP)**

- i. Pelajar perlu **daftar** penggunaan gajet.
- ii. Yuran pemprosesan ialah **RM 10.00** untuk setiap gajet dan gajet akan dilabel dengan pelekat khas. Pendaftaran perlu dibuat **setiap awal semester atau tarikh yang ditetapkan oleh pihak maktab**.
- iii. Pengguna gajet menandatangani Aku Janji Pematuhan Syarat Penggunaan Telefon semasa hari mendaftar gajet.

**Syarat Penggunaan**

- i. Pelajar hanya dibenarkan membawa **SATU** telefon bimbit sahaja. (Sekiranya pelajar membawa telefon bimbit **lebih daripada satu**, telefon tersebut akan **dirampas** dan akan **dipulangkan semula pada hujung tahun**)
- ii. Pengecasan gajet pada **waktu akademik**, kelas persediaan pagi/petang/malam (**prep**) dan **program rasmi** maktab **TIDAK DIBENARKAN**. Pengecasan gajet hanya dibenarkan dibilik-bilik yang dibenarkan untuk mengecas.
- iii. Penggunaan gajet di kawasan asrama selepas jam **11:30 malam TIDAK DIBENARKAN**
- iv. Gajet sentiasa dalam **mod senyap** dan penggunaan pembesar suara **TIDAK DIBENARKAN** semasa proses PDP berlangsung.
- v. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** membuat rakaman **video** atau **gambar** tanpa kebenaran.
- vi. Pelajar **DILARANG** memuat naik status, gambar, video dan apa-apa sahaja bahan yang boleh **mencemarkan imej individu, maktab atau MARA di media-media**.
- vii. Masa penggunaan gajet adalah seperti berikut:  
Isnin - Jumaat - **4.30 petang – 11.30 malam**  
Sabtu - **1.00 petang – 11.30 malam**  
Ahad - **10.00 pagi – 11.30 malam**  
Cuti umum - **dibenarkan sekiranya tiada program rasmi**  
**Atau bermula 10.00 pagi – 11.30 malam.**  
**\*semasa aktiviti surau(amal islami) TIDAK DIBENARKAN**
- viii. Perisian berbentuk hiburan yang **tidak patuh syariah** dan melalaikan seperti permainan maya dan video **TIDAK DIBENARKAN**.

- ix. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** meninggalkan telefon bimbit tanpa pengawasan.
- x. Warden dan guru boleh **memeriksa** perisian (bahan) yang terdapat dalam telefon bimbit pelajar **pada bila-bila masa** sahaja.
- xi. Semasa waktu PDP, ketika guru mengajar semua telefon perlulah dikumpulkan setempat di meja guru atau di dalam kotak yang disediakan untuk memudahkan kawalan **KECUALI** guru membenarkan penggunaan telefon semasa PDP berlangsung.

### **IMPLIKASI**

Sebarang ketidakpatuhan pada syarat-syarat penggunaan gajet membolehkan tindakan **RAMPASAN** ke atas gajet tersebut seperti perincian berikut :

- i. Telefon yang dirampas akan dilabel, direkod dan disimpan di bawah pemantauan Pengetua /Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar.
- ii. **Ibu bapa** boleh menuntut telefon pada **hujung Semester** sahaja dengan mengemukakan surat rasmi kepada Pengetua / Timbalan Pengetua Pembangunan Pelajar.
- iii. Denda dari segi potongan merit (demerit) akan dilaksanakan atas kesalahan yang dibuat.
- iv. Pelajar yang didapati menyimpan dan menonton bahan terlarang seperti pornografi/keganasan tidak dibenarkan menggunakan telefon pintar, tablet dan komputer riba sehingga tamat pengajian selain tertakluk kepada hukuman Peraturan Disiplin Pelajar yang lain.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN**

- i. Gajet lain seperti komputer riba, iPad dan tablet tidak dibenarkan disimpan atau digunakan di asrama dan **KECUALI** dengan kebenaran bertulis daripada guru dan pihak pengurusan seperti yang tertakluk dalam peraturan penggunaan komputer riba.
- ii. Ibu bapa digalakkan memantau penggunaan gajet anak masing-masing supaya sahsiah dan prestasi akademik mereka terus cemerlang dan beroleh keberkatan.